



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jabatan Pendaftar
Registrar's Office

Ruj. Kami: **UMS/PN 2.1/P5/2 Jld. III**

Tarikh: **15 November 2005**

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 04/2005

Semua Dekan/Pengarah Sekolah/Pusat/Institut
Semua Ketua Unit/Jabatan

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan

PEMBERIAN ELAUN PERUMAHAN WILAYAH

Merujuk kepada perkara di atas, sebagaimana pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan sedia maklum bahawa pada masa ini UMS menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987 bagi pembayaran bantuan perumahan kepada kakitangan yang layak.

Walau bagaimanapun, mulai **1 Januari 2006**, pihak Universiti akan menerimapakai **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001** bagi menggantikan pekeling tersebut di atas.

Bersama-sama ini disertakan panduan pelaksanaan pembayaran Elaun Perumahan Wilayah yang berkenaan. Pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan adalah dengan hormatnya dipohon agar memaklumkan kepada kakitangan yang berkenaan di Jabatan/Sekolah/Pusat/Institut/Unit YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Pemakaian kaedah ini juga dipanjangkan kepada kakitangan kontrak **bukan warganegara** yang dilantik oleh universiti mulai daripada tarikh yang sama.

Sekiranya terdapat kemusykilan mengenai pelaksanaan pekeling ini, sukacita sekiranya dapat berhubung pegawai berikut:

Cik Sharifah Ismail, Penolong Pendaftar (Pentadbiran & Governan) – samb.: 1081

Sekian dan harap maklum, terima kasih.

Yang ikhlas

HELA LADIN MOHD. DAHALAN

Pendaftar
b.p. Naib Canselor

s.k.: - Naib Canselor
- Cik Sharifah Ismail, Penolong Pendaftar (Pentadbiran Am & Governan)
(Mohon beri kerjasama kepada kakitangan yang memerlukan penjelasan. Terima kasih.)

mword/